




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 15 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	OG ABUSE SUSPECT CAUGHT FOR CRIMINAL INTIMIDATION, NATION, THE STAR -8 3 EKOR ANJING DIKURUNG, TAK DIBERI MAKAN, NEGARA, KOSMO -13 MOWGLI DEVASTATED BY BUFFALO DEATHS, NATION, THE STAR -4 MALAYSIAN MOWGLI'S BELOVED BUFFALOES DIE OF DISEASE, NEWS, NST -12 LEBIH 30 KERBAU MOWGLI MALAYSIA MATI MENGEJUT, NASIONAL, SH -13 KERBAU MOWGLI MALAYSIA MATI KERANA HAWAR BERDARAH, NASIONAL, SH -13 HAWAR BERDARAH PUNCA KERBAU MOWGLI MALAYSIA MATI, NASIONAL, BH -19 MENTERI MINTA KELUARGA BERSABAR, NASIONAL, BH -19 HARI SEDIH BUAT BUDAK KERBAU, KORBAN HAWAR BERDARAH, HM -2 NASIHAT MENTERI, KORBAN HAWAR BERDARAH, HM -3 SAH KERBAU MATI SEBAB HAWAR BERDARAH, KORBAN HAWAR BERDARAH, HM -3 SEBAK, MUKA DEPAN, UM -1 HAWAR DISYAKI PUNCA KERBAU MATI, DALAM NEGERI, UM -6 SYUKUR TAK SANGGUP HILANG ALONG, SEMEK, TOKOL, AWANG, DALAM NEGERI, UM -6 LULUH HATI SYUKUR, 'SAHABAT' BAIK MATI, MUKA DEPAN, KOSMO -1 HIDUNG KERBAU BERAIR, NAJIS BERDARAH, NEGARA, KOSMO -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
17.	LULUS DANA RM10 JUTA BINA INFRASTRUKTUR LUAR JELAPANG PADI DI KELANTAN, NASIONAL, BH -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
18. 19. 20. 21. 22.	MUSANG KING FARMERS SUMMONED TO MACC OFFICE, NEWS, NST -6 PULAU PINANG SASAR 100 HAB KEBUN KOMUNITI MENJELANG 2025, DALAM NEGERI, UM -29 IKAN KEMBONG RM10 SEKILO, NEGARA, KOSMO -6 PESARA BISNES KELULUT, GAYA TANI, UM -24 SUDAH ADA PELANGGAN SENDIRI, GAYA TANI, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Confined: Three dogs in compact cages outside the suspect's home.

Dog abuse suspect caught for criminal intimidation

JOHOR BARU: Rankled by how three pet dogs were being abused by a resident of a gated community in East Ledang, Iskandar Puteri Johor Bharu, several people living in the neighbourhood decided to act.

They confronted the man and told him they would no longer tolerate how badly he treated his two Golden Retrievers and a Siberian husky.

The dogs were confined in small cages and allegedly deprived of food and water for at least 12 hours daily, said Sharina Ali, one of four women who confronted the man.

Instead of being remorseful, the man hurled insults, pulled his shorts down and flashed his posterior.

"The dogs came a few weeks back and were placed in compact cages. The Siberian husky was in a cat cage," said Sharina.

She added that the cages were placed at a narrow space in front of the lawn. The narrow space was adjacent to a walking path which other residents used to go to places in the housing area, like the park.

"People were seeing the pitiful plight of the dogs daily and the residents agreed that we should speak to the man about it," said Sharina.

They had first gone to the house

but were unable to see him.

Acting on advice from their housing estate's management committee, Sharina and her three neighbours lodged a report at the Anjung police station the following day before going to the house, accompanied by a policeman.

"The man said he had confined the dogs because the Siberian husky had a skin condition and he did not want his pregnant wife to get infected by it," said Sharina.

Soon after, the man told them off loudly, pulled his shorts down and flashed them, Sharina said.

The women then lodged a second report against him.

Sharina said she is very worried about the welfare of the dogs as the man had moved them to an unknown location.

Meanwhile, Yee Xiang Yun reports from Iskandar Puteri that the man has been since arrested.

Iskandar Puteri OCPD Asst Comm Dzulkhairi Mukhtar confirmed the arrest of the 22-year-old man for criminal intimidation.

"Investigation is ongoing," he said when contacted.

He added that the three dogs have been referred to the DVS for necessary action.



GAMBAR dua sangkar anjing yang didakwa menjadi mangsa anlaya.

3 ekor anjing dikurung, tak diberi makan

JOHOR BAHRU – Seorang lelaki bertindak kejam apabila mengurung tiga ekor anjing tanpa memberi makan dan minum di rumahnya di Jalan Hang kasturi 1/7, East Ledang, dekat sini kelmarin.

Kejadian itu disedari empat wanita yang juga jirannya sebelum gambar binatang peliharaan itu tular di laman sosial, Facebook.

Sharina Ali, 46, memberitahu, dia bersama tiga rakan yang lain telah bersemuka dengan penghuni rumah tersebut untuk menegur perbuatan tidak bertanggungjawab mereka serta meminta memberi penjagaan terbaik untuk haiwan berkenaan.

Katanya, teguran itu bagaimanapun mendatangkan kemarahan kepada lelaki tersebut yang bertindak bercakap lucah, menyentuh isu perkauman, mengugut keselamatan jiran serta menayangkan punggungnya terhadap mereka.

"Dia juga memberi amaran bahawa soal anjing peliharaan itu adalah masalah dia dan orang lain tidak perlu masuk campur," katanya menerusi hantaran di

Facebook miliknya, Sabtu lalu.

Susulan kejadian itu, dia membuat laporan polis serta Jabatan Veterinar berkenaan isu tersebut selain akan membuat semakan dengan pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri sama ada lelaki berkenaan mempunyai lesen atau sebaliknya.

Hantaran Sharina beserta gambar dua ekor anjing baka Golden Retriever berhimpit dalam satu sangkar besi, manakala seekor Siberian Husky yang diletakkan dalam sangkar berasingan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Dzulkhairi Mukhtar mengesahkan menerima laporan berhubung kes berkenaan.

Katanya, pemilik anjing berkenaan sudah ditangkap polis dan pihaknya juga telah merujuk kes berkenaan kepada Jabatan Veterinar untuk tindakan lanjut.

"Susulan laporan tersebut, kita telah menangkap pemilik anjing peliharaan itu atas kesalahan Seksyen 506 dan kes disiasat di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan," ujarnya.

Mowgli devastated by buffalo deaths

Pictures of 'Kampung Boy' and his animals were among top 20 in the world

KUALA TERENGGANU: Malaysia's Mowgli is heartbroken.

The teenager, who earned worldwide fame after pictures of him interacting with a herd of buffaloes went viral, has lost a quarter of the herd.

Muhammad Syukur Khamis, 15, also known by the nickname "Kampung Boy", expressed sadness when 25 heads of buffalo belonging to his father were found dead at Kampung Banggol Katong yesterday.

In a Facebook post, he said it was a great loss to his family and did not rule out the possibility that a disease had caused the deaths.

"This is likely a seasonal outbreak and we hope it will end soon," he posted under the "Syukur Khamis - Kampung Boy" Facebook account which showed photographs of the burial process.

The teen became a global sensation among photographers for his prowess in interacting with the over 100 heads of buffalo reared by his father.

A picture of him with a herd of the animals went viral on social media after it was voted best picture in Asia besides being shortlisted as among the top 20 photographs in the world.

Muhammad Syukur said the main concern of the family now was to save as many buffa-



A sad day: Muhammad Syukur looking at one of the dead buffaloes on his father's farm. (Inset) One of the photographs of Muhammad Syukur and his buffaloes that went viral.

loes as possible.

He said he could still afford a smile because his favourite buffalo, named Semek, remained healthy.

The teenager said the ailing animals showed symptoms of having runny nose,

being inactive and blood in the stool.

His father Khamis Jusoh, 64, said the animals were dying one after the other.

"We have already lost 36 of them (since last Wednesday).

"Ten of them are quite ill," Khamis said.



He added that the animals were succumbing to the disease at an unbelievably fast rate. He added that 11 buffaloes died on Sunday. Khamis said he estimated his loss at over RM200,000.

He also said that the Veterinary Services Department had taken samples to determine the cause of death of the animals.

"The actual cause of death will only be known in two weeks.

"The department has advised us to isolate the healthy animals from the ailing," he told reporters at the farm in Kampung Kubang Bujuk here. — Bernama



Muhammad Syukur Khamis with one of his buffaloes that died on his farm in Kampung Banggol Katong, Kuala Terengganu, yesterday. BERNAMA PIC

Malaysian Mowgli's beloved buffaloes die of disease

AHMAD RABIUL ZULKIFLI
KUALA TERENGGANU
news@nst.com.my

MORE than 30 buffaloes belonging to Muhammad Syukur Khamis, better known as the Malaysian Mowgli, were found dead since last Wednesday.

The youngster, known for his unique bond with the animals on his father's farm, made headlines and captured hearts last year.

The 15-year-old is puzzled by the mysterious deaths of the water buffaloes at the farm in Kampung Banggol Katong.

"At first, only one buffalo died on Wednesday. There was no sign of sickness and we thought it was the result of some usual disease.

"But the next day, another died. There were two more deaths on Friday, followed by the demise of four buffaloes and 11 more on Saturday and Sunday.

"Just today (yesterday), 10 more died. We believe five (of the deaths) were caused by the same sickness," he told the *New Straits Times* at the farm here yesterday.

Syukur said he and his family were devastated by the deaths of the buffaloes from their 50-year-old family-owned farm.

"The buffaloes were raised by us. Of course, it made us sad, especially my father, Khamis Jusoh. He is the most affected by the situation.

"This is the first time it happened to us. We fear that all the buffaloes will eventually die.

"My two favourite buffaloes, Samek and Along, however, are still in good shape and have been vaccinated as a preventative measure."

Meanwhile, Khamis, 64, said the family had yet to find the real cause of the sudden deaths of his buffaloes.

He said the bovines displayed only flu symptoms and did not show any signs of illnesses before their deaths.

"There is a possibility that the animals died from haemorrhagic septicaemia (HS)".

Khamis said the deaths of his buffaloes left him with losses of about RM300,000.

The curious deaths were shared by a Facebook user, Dallah Deen, and the photos have since gone viral on the social media platform.

The Terengganu Veterinary Department later confirmed that the buffaloes died of HS.

Department director Dr Mohd Termizi Ghazali said the HS disease was detected in August and was eradicated temporarily but there had been a resurgence since Sept 12.

"I had reminded farmers to inject their livestock with HS preventive vaccines. Unfortunately, not all farmers complied with the instructions. In the end, this was the result and they suffered losses."

Termizi said the HS outbreak was initially detected at Kampung Tumang Jerong, Marang.

"The first HS case was detected on Aug 9 involving the deaths of 22 buffaloes and 15 head of cattle. The last death was recorded on Aug 28.

"The department began HS vaccination on Aug 30 on 675 head of cattle and 58 buffaloes belonging to 106 farmers in 12 villages.

"On Sept 12, there was a fresh HS outbreak in Kampung Banggol Peradong, which caused the deaths of seven buffaloes," he said.

He hoped that all breeders would be patient and comply with the instructions issued by the department in dealing with the outbreak.

Termizi said this included restricting the movement of livestock.

"Also limit the arrival of livestock trucks to the farms," he added.

He said the department had barred the transport of HS-afflicted livestock to other areas.

Lebih 30 kerbau Mowgli Malaysia mati mengejut

Kerugian dianggarkan lebih RM200,000

Oleh FARAH SHAZWANI

KUALA TERENGGANU

Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' dikejutkan dengan kematian 36 ekor kerbau peliharaan keluarganya di Kampung Banggol Katong, Serada di sini secara berperingkat sejak Rabu lalu.

Sehingga tengah semalam, dilaporkan kira-kira 36 ekor haiwan ternakan itu mati dengan 11 ekor kerbau ditemui mati bergelimpangan pagi



Syukur kelihatan sedih apabila melihat kerbau peliharaannya mati di Kampung Banggol Katong, Serada, Kuala Terengganu semalam.

semalam melibatkan kerugian lebih RM200,000.

Difahamkan, punca kematian kerbau berkenaan dipercayai akibat penyakit hawar berdarah.

Syukur ketika ditemui berkata, kejadian itu mula disedari dengan kematian seekor kerbau peliharaannya disusuli beberapa ekor lagi.

"Pada mulanya saya ingatkan ternakan saya hanya mengalami keracunan atau penyakit biasa, tapi jadi semakin pelik sebab ia makin bertambah, termasuk 11 ekor pada hari ini sahaja.

"Melihatkan keadaan kerbau yang ada, ada lebih lima ekor yang dalam keadaan tidak sihat dan mungkin akan mati kerana sebab yang sama.

"Kerbau kesayangan saya iaitu 'Samek' dan 'Along' setakat ini masih dalam keadaan baik dan sudah disuntik vaksin pencegahan," katanya ketika ditemui di kandangnya di Kampung Banggol Katong, Serada di sini semalam. Sementara itu, ayahnya, Khamis Jusoh, 64, berkata, kejadian itu amat menyedihkan mereka sekeluarga memandang ia kali pertama berlaku.

Menurutnya, mereka sekeluarga telah memelihara kerbau sejak 50 tahun lalu.

"Rasa sedih memang tak dapat dibendung, sebab terlalu banyak kerbau yang mati. Kalau diikutkan seekor kerbau berharga antara RM3,000 ke RM7,000. Kerugian dianggarkan lebih RM200,000," katanya.

KRONOLOGI KES HAWAR BERDARAH DI TERENGGANU 2020

9 OGOS: Kes pertama membabitkan kematian 22 ekor kerbau dan 15 lembu di Kampung Tumang Jerong, Marang

12 SEPTEMBER: Tujuh ekor kerbau mati di Kampung Banggol Peradong, Manli, Kuala Terengganu.

13 SEPTEMBER: Sebanyak 36 ekor kerbau milik Mowgli Malaysia, Muhammad Syukur Khamis, 15, mati mengejut sejak Rabu lalu di Kampung Banggol Katong, Kuala Terengganu.

PENYAKIT HAWAR BERDARAH

- Penyakit jangkitan kuman dalam darah (septicemia) akut pada lembu dan kerbau yang menyebabkan kematian dalam tempoh 8 hingga 24 jam.
- Berlaku di Afrika dan negara Asia yang mana industri penternakan kurang membengun.
- Disebabkan oleh bakteria *Pasteurella multocida carter's type B*.
- Penyakit tersebut boleh berlaku pada bila-bila masa, tetapi kekerapan meningkat pada musim hujan.

SEJARAH KES DI MALAYSIA

- Pernah berlaku seawal tahun 1800
- Menyerang teruk di Perak pada tahun 1925, 1927 dan 1928.
- Sebanyak 273 ekor kerbau dan lembu mati di Terengganu pada Jun 2017.

SIMPtom

- Haluan kemurungan.
- Bengkak di kepala, leher dan dada
- Mulut dan hidung berbulu.
- Kongesti pada lapisan mukus membran.
- Konjunktivitis.
- Sukar bernafas.

RAWATAN

- Temakan yang mempunyai simptom perlu diasingkan.
- Suntikan antibiotik digunakan untuk mencegah.
- Haiwan diberikan ubatan seperti sulfonamida, tetracycline, penicillin dan chloramphenicol.

KAWALAN

- Temakan yang dibenarkan pindah untuk tujuan pembiakan dan fidiot.
- Temakan yang dipindahkan dengan risiko jangkitan hawar berdarah perlu divaksin sekurang-kurangnya 14 hari sebelum siji kesihatan veterinar (SKV) dikeluarkan bagi pemindahan dan disahkan bebas jangkitan HS.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Kerbau Mowgli Malaysia mati kerana hawar berdarah

KUALA TERENGGANU – Kematian 36 ekor kerbau milik Muhammad Syukur Khamis atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' sejak Rabu lalu disyaki disebabkan penyakit hawar berdarah atau *hemorrhagic septicaemia* (HS).

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, kesimpulan itu dibuat berdasarkan tanda klinikal pada bangkai haiwan berkenaan menjurus kepada penyakit HS.

"Tidak ada tanda haiwan ini diracun dan berdasarkan simptom yang ditunjukkan kerbau yang mati ini disebabkan HS apatah lagi di beberapa tempat lain berhampiran juga

ada kes jangkitan berkenaan.

"Sampel darah kerbau yang mati ini sudah dihantar ke makmal dan keputusan rasmi dijangka diketahui tidak lama lagi," katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Dr Mohd Termizi, kes HS pertama mula dilaporkan pada 9 Ogos lalu di Kampung Tuman Jerong, Marang melibatkan kematian mengejut 22 ekor kerbau dan 15 lembu milik 13 penternak.

Beliau berkata, kes terbaharu pula pada Sabtu lepas melibatkan seorang penternak di Kampung




MOHD TERMIZI

Banggol Peradong, Kuala Terengganu apabila tujuh ekor kerbau miliknya ditemui mati secara tiba-tiba.

Sehubungan dengan itu, katanya, JPV Terengganu telah menjalankan operasi memberi vaksin kepada haiwan ternakan bagi mengekang penularan wabak berkenaan.

"Sejak 30 Ogos lalu, kita sudah memberi vaksin kepada 675 ekor lembu dan 58 kerbau milik 106 penternak melibatkan 12 kampung di negeri ini bagi memastikan haiwan mereka tidak dijangkiti HS," katanya.



Kematian 36 ekor kerbau milik Muhammad Syukur sejak Rabu lalu disyaki disebabkan penyakit hawar berdarah atau hemorrhagic septicaemia (HS).

Hawar berdarah punca kerbau Mowgli Malaysia mati

Lebih 30
ternakan mati
sejak Rabu lalu

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Lebih 30 daripada 110 kerbau milik keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' mati, sejak Rabu lalu.

Beberapa kerbau mati bergelimpangan di dalam kandang di Kampung Banggol Katong.

Muhammad Syukur berkata, dia terkejut apabila mendapati kerbau-nya mati secara tiba-tiba. "Pada mulanya hanya seekor yang mati pada Rabu tanpa sebarang tanda kematian dan disangka penyakit biasa.

"Keesokan harinya, seekor lagi yang mati sebelum dua ekor pada Jumaat, empat pada Sabtu dan 11 pada Ahad.

"Hari ini (semalam) sahaja 10 mati dan dijangka lebih lima lagi yang akan mati kerana sebab sama," katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Katanya, dia sangat sedih dengan kejadian itu, malah semua ahli keluarga bersedih.

"Kerbau itu ditenak lebih 50 tahun, pasti membuatkan kami sedih terutama ayah, Khamis Jusoh, 64.

"Ayah yang paling sedih dengan kejadian itu. Ini kali pertama berlaku dan dibimbangi semua kerbau akan mati.

"Kerbau kesayangan saya ia itu Samek dan Along setakat ini masih dalam keadaan baik dan sudah disuntik vaksin," katanya.

Sementara itu, Khamis berkata, kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu sudah menyalut punca kematian kerbau.

"Kerbau yang mati itu hanya mengalami selesama tanpa menunjukkan tanda diserang penyakit," katanya.

Bellau berkata, kerugian dianggarkan RM200,000.

Sementara itu, JPV Terengganu mengesahkan lebih 30 ekor lembu milik keluarga diserang penyakit Haemorrhagic Septicaemia (HS) atau hawar berdarah.

Pengarahnya, Dr Mohd Termizi Ghazali, berkata berdasarkan keadaan kematian kerbau, selain rekod kematian kerbau di tempat lain, ia disahkan penyakit HS.

"Penyakit HS bermula sejak Ogos lalu, sudah pulih sekejap namun, ada semula pada 12 September. Saya sudah ingatkan penternak supaya sentiasa me-

nyuntik vaksin pencegahan HS ke atas ternakan mereka.

"Malangnya tidak semua penternak yang akur dengan arahan dan memberi kerjasama," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Termizi berkata, kes hawar berdarah itu bermula di Kampung Tumang Jerong, Marang.

"Kes pertama HS bermula pada 9 Ogos membabitkan kematian 22 kerbau dan 15 lembu dan kematian terakhir pada 28 Ogos lalu. JPV memulakan pemvaksinan HS pada 30 Ogos ke atas 675 lembu dan 58 kerbau milik 106 penternak di 12 kampung.

"Pada 12 September berlaku kes HS baharu di Kampung Banggol Peradong membabitkan

Penyakit Haemorrhagic Septicaemia (HS) atau hawar berdarah

- Penyakit akut pasteurellosis disebabkan bakteria *Pasteurella multocida* Carter's Type B.
- Menyebabkan septisemia akut pada lembu dan kerbau, tetapi jangkitan lebih mudah kalangan kerbau.
- Simptom penyakit - ternakan kelesuan, murung, tidak aktif, demam, mulut dan hidung berair, bengkak pada kepala, leher dan dada.
- HS menyebabkan kematian dalam masa 8-24 jam selepas dijangkiti
- Jarang ada haiwan sembuh.



kematian tujuh kerbau milik seorang penternak," katanya.

Bellau berkata, perjalanan dan pemindahan haiwan ternakan perlu mendapat permit da-

ripada JPV bagi mengelakkan penularan wabak.

Katanya, haiwan di kawasan yang ada wabak dilarang dipindahkan ke tempat lain.



Muhammad Syukur bersama bapa melihat ternakan di Kampung Banggol Katong, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)



Saya sudah ingatkan penternak supaya sentiasa menyuntik vaksin pencegahan HS ke atas ternakan.

Mohd Termizi Ghazali, Pengarah JPV Terengganu



Kerbau yang mati itu hanya mengalami selesama tanpa menunjukkan tanda diserang penyakit. Kerugian dianggarkan RM200,000.

Khamis Jusoh, Bapa Mowgli Malaysia



Menteri minta keluarga bersabar

Kuala Terengganu: "Syukur dan Pak Khamis pasti sangat sedih sekarang dan perlu banyakkian bersabar," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Ucapan itu dibuat Zulkifli melalui akaun Instagram (IG) miliknya berikutan kematian lebih 30 kerbau milik keluarga

Muhammad Syukur Khamis. Zulkifli menerusi akaun IG miliknya berkata, "Anakanda Syukur sekeluarga, banyakkian bersabar. Saya dimaklumkan, Syukur dan Pak Khamis amat sedih sekarang.

"Saya ingin berpesan untuk diri saya jua semua yang membaca, hidup dan mati milik-Nya.


"Jasad kita juga adalah

milik-Nya. Sedih itu hal yang biasa namun usah terlalu bersedih kerana ia adalah putaran biasa kehidupan makhluk Allah SWT.

"Maha suci Allah yang mengikat pertalian kasih antara manusia dan haiwan dengan sebegitu erat. Insya Allah ada hikmah yang tersembunyi di sisi-Nya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2020	HARIAN METRO	KORBAN HAWAR BERDARAH	2

korban hawar berdarah



Hawar Berdarah (Haemorrhagic Septicaemia)

Penyakit akut pasteurellosis disebabkan bakteria *Pasteurella Multocida* Carter's Type B.

Ia menyebabkan septisemia akut pada lembu dan kerbau, namun lebih mudah menjangkiti kerbau.

Wabak boleh berlaku pada bila-bila masa, tetapi kekerapan penyakit meningkat pada musim hujan. Boleh menyebabkan kematian dalam tempoh 24 jam.

Gejala: Kelesuan, kemurungan, tidak aktif, demam, mulut dan hidung berlendir, bengkak pada bahagian kepala, leher dan dada serta membran mukosa menjadi merah.



Oleh Ahmad Rabiul
Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

"Ayah (Khamis Jusoh) paling sedih dengan kejadian ini, maktumlah kebanyakan kerbau itu ditenak lebih 50 tahun lalu," kata Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai Mowgli Malaysia.

Dia berkata demikian ketika mengulas mengenai lebih 30 daripada 110 kerbau yang ditenak bapanya mati secara tiba-tiba sejak Rabu

HARI SEDIH BUAT BUDAK KERBAU

Sejumlah 30 daripada 110 ternakan ditemui mati bergelimpangan

minggu lalu.

Menurutnya, ia kejadian pertama berlaku dan ayahnya sangat bimbang semua kerbau akan mati akibat kejadian itu.

"Pada mulanya hanya seekor yang mati pada Rabu, tetapi tanpa sebarang tanda kematian dan kami sangka

disebabkan penyakit biasa.

"Keesokan harinya, seekor lagi mati manakala dua lagi pada Jumaat; Sabtu (4) dan Ahad (11).

"Hari ini (semalam) sahaja 10

sudah mati dan dijangka lebih lima ekor lagi yang akan mati

kerana sebab yang sama," katanya ketika ditemui di kandang di Kampung Banggol Katong

Khamis
menganggarkan
mengalami kerugian
hampir RM200,000

di sini, semalam.

Tinjauan Harian Metro juga mendapati beberapa kerbau dilihat mati bergelimpangan di dalam kandang.

Muhammad Syukur berkata, setakat ini kerbau kesayangannya iaitu Semek dan Along masih dalam

keadaan baik.

Malah, katanya, kedua-duanya sudah disuntik vaksin pencegahan.

Sementara Khamis, 43, berkata, dia kehilangan kata-kata untuk menggambarkan kesedihan dialami selepas melihat banyak ternakannya mati.

Menurutnya, semua kerbau yang mati tidak menunjukkan tanda-tanda diserang penyakit, sebaliknya hanya mengalami selesema.

"Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu sudah datang dan melakukan siasatan punca kematian

15/9/2020

HARIAN
METROKORBAN HAWAR
BERDARAH

3



MUHAMMAD SYUKUR bersama keluarganya yang mati akibat hawar berdarah.

Nasihat menteri

Kuala Terengganu: "Kepada anakanda Syukur sekeluarga, banyakkah bersabar," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Kata-kata perangsang itu diungkapkan Zulkifli kepada Muhammad Syukur Khamis, 15, dan keluarga selepas diduga dengan kematian lebih 30 kerbau milik mereka yang tular di media sosial, semalam.

Zulkifli menerusi Instagram (IG) miliknya berkata: "Saya dimaklumkan, Syukur dan Pak Khamis amat sedih sekarang. Saya ingin berpesan untuk diri saya (dan semua yang membaca, hidup dan mati milik-Nya.

"Jasad kita juga adalah milik-Nya. Sedih itu hal yang biasa namun usah terlah bersedih kerana ia adalah puteran biasa kehidupan makhluk Allah SWT.

"Maha Suci Allah yang mengikat pertalian kasih antara manusia dan haiwan dengan sebegitu erat. Insya-Allah ada hikmah yang tersembunyi di sisi-Nya," katanya.



semua kerbau itu.

"Berkenungkinan besar ia mati kerana penyakit hawar berdarah," katanya.

Menurutnya, dia juga tidak lena sejak kebelakangan ini kerana memliarkan mungkin semua ternakannya mati akibat wabak berkenaan.

Khamis berkata, dia menganggarkan mengalami kerugian hampir RM200,000 susulan kematian kerbau itu.

Terdahulu gambar kerbau Muhammad Syukur yang mati dikongsiikan Dallah Deen di Facebook dan menjadi tular sehingga dikongsi sebanyak 2,000 kali dengan 360 komen.

Kuala Terengganu: Sah akibat Haemorrhagic septicaemia (HS) atau hawar berdarah.

Itu pengesahan yang diberikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu berhubung kematian lebih 30 kerbau milik Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai Mowgli Malaysia.

Pengarahnya, Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, pengesahan itu dibuat berdasarkan keadaan kerbau, selain rekod kematian kerbau di tempat lain.

"Penyakit ini sudah

bermula Ogos lalu, tetapi pulih sekejap namun bermula semula pada 12 September.

"Saya sudah mengingatkan penternak supaya sentiasa menyuntik vaksin pencegahan HS ke atas ternakan mereka.

"Malangnya tidak semua penternak yang akur dengan arahan yang akhirnya mereka terpaksa menanggung kerugian," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

30

Kerbau milik Muhammad Syukur dikenali Mowgli

Mohd Termizi berkata, kes hawar berdarah mula dikesan di Kampung Tumang Jerong, Marang.

"Kes pertama HS bermula pada 9 Ogos membabitkan kematian 22 kerbau dan 15 lembu dan

kematian terakhir pada 28 Ogos lalu.

"JPV memulakan pemvaksinan HS pada 30 Ogos ke atas 675 lembu dan 58 kerbau milik 106 penternak di 12 kampung.

"Pada 12 September berlaku kes HS baru di Kampung Banggol Peradong membabitkan kematian tujuh kerbau milik seorang penternak," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap semua penternak bersabar dan mematuhi arahan dikeluarkan JPV.


"Dalam keadaan sekarang hadkan pergerakan ternakan sama ada lembu atau kerbau ke kawasan lain.

"Kedatangan lori peraih ternakan daripada datang ke kandang ternak juga perlu dihadkan.

"Selain itu, segala bentuk perjalanan dan pemindahan haiwan ternakan perlu mendapat permit perjalanan daripada JPV terlebih dahulu bagi mengelakkan penularan wabak ke tempat lain," katanya.

Sah kerbau mati sebab hawar berdarah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Sebak

MUHAMMAD Syukur Khamis tidak dapat menahan kesedihan ketika melihat kerbaunya mati mengejut di Kampung Banggol Katong, Serada, Kuala Terengganu, semalam. Sebanyak 36 ekor haiwan ternakan milik keluarga remaja yang dikenali Mowgli Malaysia itu mati sejak Rabu lalu dipercayai akibat penyakit hawar berdarah. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI (Berita di muka 6)

Hawar disyaki punca kerbau mati

Oleh ROSALINDA MD SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Bedah siasat ke atas beberapa ekor kerbau daripada 36 yang mati di kandang Kampung Banggol Katong disyaki dijangkiti penyakit hawar berdarah atau *Haemorrhagic Septicaemia* (HS).

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr. Mohd. Termizi Ghazali berkata, rumusan awal itu susulan penemuan berlaku radang paru-paru dan jantung bengkak pada haiwan yang mati berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, pengesahan lanjut mengenai punca kematian kerbau-kerbau tersebut hanya boleh disahkan selepas mendapat keputusan makmal dalam tempoh dua minggu lagi.

"Buat masa ini, kita rumuskan kes kematian haiwan itu akibat hawar berdarah dan sampel telah diambil serta dihantar ke makmal untuk pengesahan," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, di Terengganu, penyakit hawar berdarah mula dikesan pada 9 Ogos lalu di Kampung Tuman, Marang memabatkan kematian 22 ekor kerbau dan 15 lembu milik 13 penternak.

Termizi mengulas kematian mengejut 36 kerbau milik keluarga remaja yang terkenal dengan jolokan Mowgli Malaysia, Muhammad Syukur Khamis, 15, sejak Rabu lalu.

Kesemua kerbau yang mati berusia dua hingga lima tahun dengan tiga memabatkan ibu kerbau manakala bakinya anak-anak haiwan peliharaan berkenaan.

» Penyakit septisemia akut pada lembu dan kerbau yang disebabkan bakteria *pasteurella multocida carter's type B*.

» Ia boleh menjangkiti babi tetapi pada kadar rendah dan kes jangkitan jarang berlaku kepada bebiri dan kambing.

» Penyakit HS diwartakan sebagai penyakit wajib lapor.

» Wabak penyakit boleh berlaku pada bila-bila masa dengan kekerapan meningkat pada musim hujan.

» Tempoh kematian dalam masa lapan hingga 24 jam selepas dijangkiti dan jarang ada haiwan yang sembuh.

SIMPTOM:

» Kelesuan, kemurungan, tidak aktif, demam, mulut dan hidung berlendir, bengkak pada kepala, leher dan dada.

» Jika masalah pernafasan berlaku, kematian dijangka akan berlaku dalam masa singkat.



MUHAMMAD Syukur dan bapanya, Khamis Jusoh menguruskan kerbau ternakannya yang mati mengejut di Kampung Banggol Katong di Serada, Kuala Terengganu semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Menurut beliau, kes terbaharu penyakit itu dilaporkan berlaku di Kampung Banggol Peradong di Manir di sini dua hari lalu memabatkan seorang penternak yang kematian tujuh

ekor kerbau.

Katanya, bermula 28 Ogos lalu, kerja-kerja vaksin ke atas haiwan dilakukan ke atas 675 ekor lembu dan 58 ekor kerbau milik 106 penternak di 12 kam-

pung di daerah ini.

"Hawar berdarah sangat mudah berjangkit dan boleh menyebabkan kematian yang banyak jadi kita minta pemilik agar mengasingkan ternakan yang

dijangkiti.

"Bagi haiwan yang berada dalam kandang sama kita akan memberikan rawatan sokongan seperti antibiotik kepada ternakan yang terjejas," katanya.

Syukur tak sanggup hilang Along, Semek, Tokol, Awang

KUALA TERENGGANU: Remaja yang popular dengan jolokan Mowgli Malaysia, Muhammad Syukur Khamis tidak sanggup kehilangan 'empat sahabat' karibnya, Along, Semek, Tokol dan Awang jika ditakdirkan kerbau peliharaannya itu dijangkiti penyakit hawar berdarah.

Muhammad Syukur berkata, kematian mengejut 36 ekor kerbau lain di kandang ayahnya di Kampung Banggol Katong di sini sangat menyedihkan dan dia tidak mahu perkara sama berlaku kepada empat kerbau

kesayangannya itu.

Katanya, antara kesemua haiwan itu, Along yang berusia setahun paling jinak dan rapat dengannya.

"Setakat ini semua masih sihat tetapi saya risau andai ada yang mati."

"Saya cuma boleh berdoa dan tawakal kepada Allah untuk panjangkan usia Along, Semek, Tokol, Awang. Saya tak sanggup tengok 'kawan-kawan' saya mati," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, kerana bimbang

dengan ternakannya, dia terpaksa ponteng sekolah sejak Rabu lalu.

"Saya sukar menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana setiap masa memikirkan nasib kerbau-kerbau saya yang dikuatir mati," kata remaja itu.

Cerita Muhammad Syukur, kerbau yang dijangkiti hawar berdarah banyak termenung dan pernafasannya haiwan berkenaan juga terganggu.

"Kalau petang saya datang keadaannya segar tetapi esok pagi boleh mati begitu saja," katanya.

Sejak Rabu lalu, 36 ekor kerbau keluarga Muhammad Syukur berusia dua hingga lima tahun mati dengan korban terbanyak dicatatkan kelmarin sebanyak 10 ekor disusuli 11 lagi pagi semalam.

Akibat kejadian itu, bapanya, Khamis Jusoh, 64, kerugian hampir RM200,000 dan jumlahnya mungkin menjadi lebih besar jika lebih banyak kematian berlaku.

Menurut Khamis, dia terpaksa memohon bantuan jengkaut pihak berkuasa bagi mena-



Saya cuma boleh berdoa dan tawakal kepada Allah untuk panjangkan usia Along, Semek, Tokol, Awang. Saya tak sanggup tengok 'kawan-kawan' saya mati."

MUHAMMAD SYUKUR
KHAMIS

36 ekor kerbau kesayangan rebah
akibat penyakit hawar berdarah

Luluh hati Syukur, 'sahabat' baik mati

LULUH hati Muhammad Syukur Khamis, 15, apabila 36 ekor kerbau peliharaan bapanya bernilai hampir RM200,000 mati akibat penyakit hawar berdarah di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu, Terengganu semalam.

Syukur atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' berkata, sebelum ternakan itu ditemui mati sejak Rabu lalu, kerbau-kerbau tersebut kelihatan lemah, hidung berair dan najis berdarah.

"Saya reda, tetapi dalam hati amat sedih sebab menganggap kerbau-kerbau ini seperti sahabat sendiri kerana sudah menjaganya sejak saya berusia enam tahun lagi," katanya.

» BERITA PENUH DI MUKA 2

SYUKUR sebab memegang kerbau ternakan bapanya yang mati di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu semalam.
- PUOTRA HAIRRY



15/9/2020

KOSMO

NEGARA

2

36 ekor haiwan peliharaan bernilai hampir RM200,000 mati akibat hawar berdarah

Hidung kerbau berair, najis berdarah

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU - "Kerbau-kerbau itu kelihatan lemah, hidung berair dan najis berdarah sebelum ditemui mati bergelimpangan keesokan paginya."

Demikian cerita Muhammad Syukur Khamis, 15, yang dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' dalam keadaan sugul mengenai 36 kerbau peliharaan bapanya yang mati mengejut akibat penyakit *Hemorrhagic Septicemia* atau hawar berdarah di Kampung Kubang Bujuk di sini.

Pelajar tingkatan tiga itu berkata, hatinya luhuh apabila kerbau-kerbau peliharaan bapanya, Khamis Jusoh, 64, yang berusia antara dua hingga lima tahun itu mati sejak Rabu lalu.

"Pada mulanya empat ekor mati diikuti kerbau-kerbau lain termasuk 11 ekor pada hari ini (semalam)."

"Saya reda tetapi dalam hati amat sedih sebab menganggap kerbau-kerbau ini seperti sahabat sendiri kerana sudah menjaganya sejak saya berusia enam tahun lagi," katanya ketika ditemui di kandang kerbau bapanya di Kampung Kubang Bujuk di sini semalam.

Muhammad Syukur berkata, dia juga tidak pergi ke sekolah sejak Rabu lalu kerana fikirannya runting menitikrkan nasib menimpa kerbau-kerbau itu.

Dia berharap agar penyakit tersebut tidak akan menjangkiti tiga kerbau kesayangannya iaitu Semek, Tokol dan Along yang kesemuanya berusia kira-kira



SYUKUR sedih mengenangkan 36 ekor kerbau peliharaan keluarganya mati akibat penyakit hawar berdarah di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu semalam.

dua tahun.

"Saya hanya mampu berdoa tiada lagi kerbau peliharaan kami mati selepas ini," katanya.

Sementara itu, Khamis berkata, ini kali pertama dia mengalami kejadian sebegini sejak lebih 50 tahun mengembala kerbau.

"Kerugian yang saya alami setakat ini dianggarkan hampir RM200,000. Walaupun perit, saya anggap ini ujian buat kami sekeluarga dan sebagai asan garam sebagai penternak kerbau.

"Saya difahamkan sampel darah haiwan yang mati itu telah dibawa pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk dianalisa," katanya.

Sementara itu, berita musibah menimpa keluarga Muhammad Syukur mendapat perhatian sebahagian peminatnya yang menziarahinya di kandang kerbau untuk melahirkan rasa sedih.

Salah seorang daripada mereka, Hazeera Razali, 29, dari Bazarong, Melaka berkata, dia

dan keluarganya terus ke kandang kerbau Khamis sebaik mengetahui berita sedih tersebut menerusi media sosial.

"Kami yang melancang di Terengganu sejak Sabtu lalu singgah sebentar ke kandang kerbau Muhammad Syukur kerana ber simpati dengannya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Dr. Mohd. Termini Ghazali berkata, penyakit hawar berdarah telah menyerang hai-

Hawar berdarah

- Disebabkan bakteria *Pasteurella multocida* Carter's Type 8
- Menyebabkan kerbau, lembu dan babi
- Simptom penyakit seperti haiwan kemurungan, bengkok di kepala, leher dan dada, mulut dan hidung berbulu dan sukar bernafas
- Menyebabkan kematian dalam jangka masa 8 - 24 jam selepas dijangkiti dan jarang ada haiwan yang sembuh selepas dijangkiti

wan ternakan seperti kerbau dan lembu di sekitar daerah ini dan Marang sejak Ogos lalu.

"Setakat ini, 22 kerbau dan 15 lembu telah disahkan mati akibat penyakit itu sehingga 28 Ogos lalu sebelum dapat dikawal sementara pada hujung bulan lalu," katanya.

Menurutnya, setakat ini, pihaknya telah memberi suntikan vaksin terhadap 675 lembu dan 58 kerbau milik 106 penternak di 12 kampung di kedua-dua daerah terbabit.

"Haiwan ternakan itu juga tidak dibenarkan dipindahkan ke lokasi lain bagi mengurangkan risiko penularan wabak hawar berdarah itu," katanya.

Syukur mula terkenal sejak awal tahun lalu, selepas gambarnya bermesra dengan sekumpulan kerbau sering memengaruhi anugerah fotografi antara bangsa termasuk yang terbaru Fmej Asia 2020 bagi bulan Ogos bagi kategori Orang/Jalanan oleh Asian Geographic.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Lulus dana RM10 juta bina infrastruktur luar jelapang padi di Kelantan

Pasir Puteh: Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan segera RM10 juta untuk projek infrastruktur di luar kawasan jelapang padi di Kelantan bagi meningkatkan hasil sehingga tujuh tan sehektar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata projek berkenaan membabitkan pembinaan rumah pam dan saliran air.

"Sebahagian besar projek itu membabitkan Jajahan Machang dan Pasir Puteh yang dilaksanakan sebelum akhir tahun ini," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Jawa, Selising di sini, semalam.

Beliau berkata, rancangan itu sebahagian usaha awal untuk memperluaskan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang kini semakin mengecil akibat kehilangan banyak kawasan bagi pembinaan rumah + dan projek komersial.

Katanya, projek itu akan dilaksanakan dan dipantau Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Kelantan.

Tuan Mohd Saripudin yang juga anggota Lembaga Pengarah KADA berkata, apabila projek berkenaan siap, tanaman di kawasan itu dapat diusahakan dua kali setahun, sekali gus layak diletakkan di bawah pentadbiran KADA yang mempunyai keupayaan meningkatkan taraf hidup pesawah berkenaan.

"Apabila kawasan KADA diperluaskan peruntukan mengennainya akan ditambah sekali ganda untuk melaksanakan lebih banyak projek pembangunan," katanya.

Beliau berkata, sawah di Gong Tambak, Tualang Tinggi (KADA) akan dijadikan 'ladang contoh' kerana berjaya meningkatkan hasil melebihi enam tan sehektar pada musim lalu.

Katanya, pihaknya bercadang membina sebuah lagi rumah pam di kawasan itu membabitkan peruntukan lebih RM500,000 bagi menjamin bekalan air mencukupi, terutama bagi menampung keperluan pada musim kemarau.

BERNAMA

LAND ENCROACHMENT

Musang King farmers summoned to MACC office

RAUB: Durian farmers near here, who have been operating orchards without permits, have been summoned by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to have their statements recorded from today.

Some 50 farmers have been served notices to appear in groups at the district MACC office from 10am, believed to be linked to the widespread durian land encroachment activities.

Save Musang King Alliance (Samka), in a statement yesterday, said the farmers were either contacted by MACC or visited by officers at their homes to serve the notices.

Samka, a group comprising durian farmers without permits, expressed surprise over MACC's

large-scale operation of summoning the farmers, saying it remained unclear if MACC's action was based on substantial evidence or due to political pressure.

Samka has appointed lawyers to accompany the farmers.

"Raub farmers have nothing to hide. They were encouraged by the government in the 1970s to cultivate idle land and had followed the procedures."

On Sept 8, MACC began investigations into the encroachment issue involving state government land, which had been turned into illegal durian plantations.

MACC stressed that it would not compromise with any party involved in corruption or abuse of power in the durian issue.

15/9/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

Pulau Pinang sasar 100 hab kebun komuniti menjelang 2025

GEORGE TOWN: Pulau Pinang bakal mempunyai 100 hab kebun komuniti berkonsepkan pertanian bandar dengan aktiviti penanaman sayur-sayuran secara organik menjelang 2025.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, tanah seluas 2,000 kaki persegi di Perpus-takaan Digital Pulau Pinang Fasa 1 (PDL1) telah dipilih sebagai lokasi kebun komuniti yang akan menjadi projek perintis serta model rujukan untuk diguna na pakai di setiap tanah kerajaan negeri yang belum diusahakan.

Katanya, hasil yang dituai di kebun kitar itu akan diedarkan kepada komuniti berdekatan supaya dapat menikmati hasil tanaman organik.

"Saya juga ingin menyarakkan jabatan dan agensi kerajaan negeri menyahut cabaran melaksanakan kebun komuniti di bawah seliaan jabatan masing-masing untuk mencapai hasrat kerajaan negeri mewujudkan 100 hab kebun komuniti," katanya selepas merasmikan kebun kitar di PDL 1 di sini semalam.

Menurut Kon Yeow, projek kebun kitar itu dibangunkan secara kerjasama strategik antara kerajaan negeri, ThinkCity dan Universiti Pendidikan Sultan Id-



CHOW Kon Yeow memetik sayur sawi yang ditanam secara organik ketika melawat kebun kitar di Perpus-takaan Digital Pulau Pinang Fasa 1, di George Town, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

Katanya, UPSI telah menggunakan kepakaran mereka untuk membangunkan projek ini secara 100 peratus termasuk pembangunan sistem agrikultur dan sistem *Internet of Things* (IoT).

"Selain itu, satu pendekatan menarik projek ini ialah baja yang digunakan adalah baja

kompos organik dari mesin *Economical Food Waste Composter* yang merupakan hasil inovasi Profesor Madya Dr. Che Zalina dari UPSI," katanya.

Dalam pada itu, Dekan Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif UPSI, Dr. Mohd. Dzahuri Khairani berkata, projek kebun kitar itu dibangunkan sepenuhnya

oleh UPSI dalam aspek reka bentuk, infrastruktur, penanaman dan pembangunan sistem pintar.

"Solusi Automasi Sistem Pintar Kebun Bandar ini direka bentuk berdasarkan integrasi beberapa teknologi seperti teknologi IoT, teknologi sensor dan teknologi RFID," katanya.

Harga hasil laut itu kembali turun selepas peniaga dapat bekalan

Ikan kembung RM10 sekilo

Oleh NUR ANATI JUHARI

ALOR SETAR – Harga ikan kembung atau dikenali ikan temenung di daerah ini turun kepada RM10 sekilogram semalam.

Tinjauan di Pasar Besar Alor Setar di sini mendapati, harga ikan itu yang dijual RM14 sekilogram sejak Jumaat lalu turun ekoran peniaga mula mendapat bekalan daripada pemborong.

Seorang peniaga, Said Osman, 61, berkata, bekalan ikan diperolehi selepas pemborong masuk ke kawasan nelayan Kuala Kedah bagi mendapatkan bekalan untuk diagihkan kepada peniaga di pasar besar ini.

"Dua tiga hari lepas bekalan ikan kurang kerana sukar untuk memperoleh bekalan dari Kuala Kedah ekoran banyak prosedur untuk bergerak dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kota Setar ini.

"Bagaimanapun, keadaan hari ini (semalam) berbeza apabila sudah ada pemborong yang hantar bekalan ikan ke sini walaupun jumlahnya tidak banyak," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan



HARGA ikan kembung dijual RM10 sekilogram di Pasar Besar Alor Setar semalam.

merangkap Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Kedah, Hamid Bahari berkata, pelbagai faktor menyebabkan bekalan ikan kini agak berkurangan.

"Bekalan ikan berkurangan bukan sahaja kerana faktor cuaca yang boleh dikatakan setiap hari hujan yang menyukarkan nelayan untuk turun ke laut tetapi

juga disebabkan penularan Covid-19.

"Kuala Kedah juga dikenakan PKPD, jadi nelayan risau dan takut untuk keluar menangkap ikan yang mana ia sedikit sebanyak menyebabkan bekalan ikan berkurangan," katanya.

Tambahnya, pemborong telah mula masuk ke kawasan Kuala

Kedah untuk mengagihkan jualan di banyak lokasi termasuk Pasar Besar Alor Setar.

Kosmo! semalam melaporkan harga ikan temenung di kawasan PKPD Kota Setar dikesan mengalami kenaikan antara RM2 hingga RM6 sekilogram menjadikan ikan itu dijual pada harga RM14 sekilogram.

15/9/2020

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA TANI

24

Oleh SAFINA RAMLI

gayautusan@mediamula.com.my

BERSAIZ kecil dengan warna kehitam-hitaman serta tidak mempunyai sengatan berbisa yang mendatangkan bahaya seperti lebah madu merupakan antara perbezaan ketara lebah kelulut dengan spesies lebah madu.

Lebah kelulut atau kelulut sahaja (juga digelar meliponini) ialah lebah tidak bersengat namun berupaya menghasilkan madu yang sama seperti lebah madu.

Dianggarkan hampir 500 spesies kelulut terdapat di seluruh dunia, antaranya termasuklah *Geniotrigona thoracica*, *Heterotrigona itama*, *Lepidotrigona terminata*, *Tetragonula laeviceps* dan *Tetrigona apicalis*.

Lebah kelulut dahulunya hanya bersarang di pangkal-pangkal pokok jauh di dalam hutan. Namun selepas khasiat madunya dikenali ramai spesies lebah kelulut ini mula dicari ramai untuk tujuan penternakan komersial.

Madu kelulut yang dikatakan mempunyai pelbagai khasiat serta berupaya membantu mengurangkan penyakit asma serta sesesama dan mudah ditemak menjadikan lebih ramai pengusaha madu kelulut muncul.

Menyedari potensi penternakan madu kelulut menjana pendapatan, seorang pesara kakitangan keselamatan Malaysia Airlines, Abdul Rahman Mad Taib, 73, memberanikan diri menceburi bidang penternakan lebah berkenaan sejak lima tahun lalu.

Bermula dengan hobi, Abdul Rahman kini mempunyai kira-kira 30 sarang lebah kelulut yang mampu menghasilkan lebih 10 kilogram madu dalam semusim.

Katanya, lebah kelulut yang mudah dijaga dan tidak memerlukan kos yang tinggi adalah antara sebab dia mampu bertahan lama sebagai pengusaha dan penternak lebah kelulut.

"Pada mulanya saya beli sarang lebah kelulut daripada seorang rakan di Bangi.

"Lama kelamaan saya dapati hutan-hutan kecil di sekitar rumah saya juga mempunyai sarang kelulut, jadi saya ambil keputusan untuk mencari sendiri sarang hingga mempunyai 30 sarang pada masa ini," katanya ketika

SPESIS lebah kelulut jenis *Heterotrigona itama* yang mampu menghasilkan kadar madu yang tinggi dan mudah dijaga.



Pesara bisnes kelulut

ditemui di Pondok Upeh, Balik Pulau, Pulau Pinang baru-baru ini.

Menurut Abdul Rahman, kesemua kotak sarang lebah kelulut miliknya juga dibina sendiri dengan kos yang minimum bagi memastikan sarang lebah tidak terkena air hujan serta diganggu makhluk perosak yang lain.

"Lebah kelulut juga mempunyai musuh yang tersendiri seperti spesies larva *black slodier fly*, kumbang sab dan juga semut yang akan merosakkan sarang lebah.

"Penternak perlu meninjau sarang lebah seminggu sekali bagi memastikannya sarang lebah tidak diganggu oleh makhluk perosak atau berdepan dengan kerugian akibat tiada madu dihasilkan.

"Selain itu, madu yang diserang larva haiwan perosak

akan dijangkiti kuman, jadi masam dan tidak selamat untuk dimakan," katanya.

Abdul Rahman berkata, setakat ini dia memilih menternak lebah kelulut dari spesies *Heterotrigona itama* kerana spesies ini mampu menghasilkan kadar madu yang tinggi dan mudah dijaga.

"Walaupun kita tidak perlu memberi makanan kepada lebah kelulut ini tetapi pengusaha juga perlu membantu mendapatkan madu dengan menanam pokok yang sesuai berhampiran kotak sarang.

"Saya menanam pokok limau, pokok belimbing, pokok bunga, durian, ceri dan pelbagai lagi untuk membantu lebah kelulut mendapatkan madu.

"Cara ini dapat meningkatkan penghasilan


madu di dalam kotak sarang," katanya.

Bapa kepada lima orang anak ini memberitahu, walaupun tidak mempunyai sengatan berbisa seperti lebah madu, lebah kelulut tetap akan mempertahankan sarang mereka daripada diceroboh dengan mengerumuni penceroboh sehingga melekat pada badan perosak tersebut.

"Saya sendiri perlu memakai pakaian serta sarung muka khas yang diperbuat daripada jaring halus jika mahu menuai hasil madu.

"Walaupun tidak menyengat, lebah kelulut akan melekat dan memasuki rongga badan seperti telinga dan hidung jika sarangnya diceroboh," katanya yang tidak mendapat sebarang bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan.

ABDUL Rahman Mad Taib menunjukkan sarang muka khas yang perlu dipakai jika melakukan aktiviti menuai madu kelulut.





Penternak perlu meninjau sarang sekitar seminggu sekali bagi memastikan sarang lebah tidak diganggu oleh makhluk perosak atau berdepan dengan kerugian akibat tiada madu dihasilkan."

Sudah ada pelanggan sendiri

ABDUL Rahman Mad Taib memberitahu, produk madu lebah kelulut yang diusahakannya itu tidak ada masalah mendapat pelanggan.

"Madu lebah yang saya jual adalah asli tanpa sebarang campuran gula atau air.

"Ia dijual dengan kapasiti seberat 125 gram dan 500 gram.

"Setakat ini produk madu kelulut asli keluaran saya boleh didapati di sekitar Pulau Pinang dan juga Kuala Lumpur," katanya.

Tambah beliau, produk madu kelulut sentiasa mendapat permintaan di pasaran tempatan memandangkan khasiatnya yang tersendiri.

"Madu kelulut mempunyai rasa sedikit masam dan rasanya juga bergantung kepada makanan atau debunga di sekeliling sarang lebah kelulut.

"Kandungan antioksidan dan manfaat vitamin C yang terdapat pada madu kelulut juga baik untuk mengatasi selesema dan demam menjadi antara penyebab madu kelulut ini sentiasa dicari ramai," katanya.



ABDUL Rahman memilik menternak lebah kelulut daripada spesies *Heterotrigona itama* kerana ia menghasilkan kadar madu yang tinggi dan mudah dijaga.
- UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

LEBAH KELULUT

- » Terdapat dua spesies lebah kelulut yang menghasilkan madu iaitu *Heterotrigona itama* dan *Geniotrigona thoracica*
- » Madu kelulut dikatakan mampu menurunkan paras glukosa pesakit diabetes dan berkesan untuk mencegah kanser, selesema, demam dan gout.
- » Asid fenilpropanoik, Asid Protocatechuik dan Asid 4-hidroksifenilasetik adalah di antara bahan utama yang terkandung dalam madu kelulut.
- » Mampu bertahan lama tanpa kandungan khasiatnya berubah, hanya warnanya akan berubah menjadi gelap.
- » Spesies larva black soldier fly, kumbang sob dan juga semut adalah musuh utama lebah kelulut.

